

13 MAY 2001

CASTRO PULANG SELEPAS MENGAKHIRI LAWATAN KE MALAYSIA

SEPANG, 13 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro berlepas ke Doha, Qatar hari ini setelah mengadakan lawatan tiga hari ke Malaysia yang memperkukuhkan lagi hubungan Havana dan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini untuk mengucapkan selamat jalan.

Penerbangan khas yang membawa Castro dan rombongannya berlepas kira-kira pukul 11.15 pagi.

Dr Mahathir sebelum itu membuat kunjungan selamat jalan terhadap presiden berusia 74 tahun itu, di sebuah hotel di Kuala Lumpur, tempat beliau menginap sepanjang tempoh lawatan pertamanya ke Malaysia sejak memegang tampuk kuasa 42 tahun lepas.

Semasa di Malaysia, Castro mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir dan diraikan pada jamuan negara oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Lawatan itu adalah atas undangan Seri Paduka.

Pemimpin Cuba itu turut mengadakan ceramah umum mengenai globalisasi dan menikmati keindahan panorama Kuala Lumpur ketika naik ke bangunan tertinggi dunia, Bangunan Kembar Petronas.

Malaysia dan Cuba merupakan negara anggota Kumpulan 77 yang terdiri daripada lebih 100 negara membangun.

-- BERNAMA

MAM RV RON